

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-13 (2015)

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN WILSON UGAK KUMBONG**
[HULU RAJANG]

TARIKH : **24 MAC 2015 (SELASA)**

SOALAN :

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik keputusan pengambilan pekerja baru melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sepanjang 2014 bagi setiap jawatan yang ditawarkan secara terperinci mengikut pecahan kaum daripada Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2014, seramai 37,707 orang telah dilantik secara tetap dalam perkhidmatan awam di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Selain SPA, terdapat beberapa lagi Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang lain seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), Suruhanjaya Pasukan Polis (SPPolis), Majlis Angkatan Tentera (MAT), Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri.

Daripada 37,707 orang yang dilantik secara tetap, seramai 28,268 adalah daripada kaum Melayu, 2,545 Cina, 1,963 India, 945 Dusun, 915 Iban, 526 Bidayuh, 476 Bajau, 447 Kadazan, 287 Melanau, 107 Murut, 107 Bisaya, 90 Orang Ulu, 87 Rungus, 68 Suluk, 34 Irranun, 23 lain-lain Bumiputera Sabah, 8 lain-lain Bumiputera Sarawak, 228 Orang Asli Semenanjung dan 583 lain-lain kaum.

SPA sebenarnya telah melaksanakan pemberian keutamaan kepada kalangan anak-anak tempatan yang memenuhi syarat skim perkhidmatan bagi jawatan-jawatan kumpulan sokongan di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, calon-calon dari Sabah dan Sarawak terbuka untuk mengisi perjawatan di mana-mana tempat di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.